



**GC 6423**  
**ISU-ISU PENDIDIKAN DI MALAYSIA**

**TAJUK :**  
**PENDIDIKAN SEUMUR HIDUP BERDASARKAN**  
**AL QUR'AN DAN AL SUNNAH**

**DISEDIAKAN OLEH**  
**FARIDAH BINTI HUSAIN**  
**( P 38971 )**

**PENSYARAH :**  
**DR. ABDUL HALIM TAMURI**

Program Sarjana Pendidikan  
Sesi II(2006/2007)

## HALAMAN JUDUL

<b>Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
1.0 Pendahuluan	1
2.0 Definisi Pendidikan	2
3.0 Pendidikan Seumur Hidup	3
4.0 Al Qur'an dan al Sunnah	4
5.0 Konsep Pendidikan Seumur Hidup	5
6.0 Peringkat-peringkat pendidikan	8
6.1 Pendidikan tak formal	9
6.1.1 Pra lahir	10
6.1.2 Lahir hingga Mumayyiz	10
6.2 Pendidikan formal	13
6.2.1 Pendidikan Rendah	14
6.2.2 Pendidikan Menengah	15
6.2.3 Pendidikan Tinggi	17
6.3 Pendidikan bukan Formal	18
7.0 Kesimpulan	19

## RUJUKAN

## 1.0 Pendahuluan

Pendidikan adalah perkara yang sangat penting untuk mencapai kesejahteraan dan kesempurnaan hidup manusia. Pendidikan telah bermula apabila Allah mencipta Nabi Adam a.s untuk menjadi khalifah di bumi dan berkesinambungan sehingga hari ini. Allah SWT telah memulakan pendidikan dengan mengajar baginda sebagai persediaan menggalas tanggungjawab sebagai khalifah di bumi. Firman s.w.t ,

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا \*

Yang bermaksud :

“Dan ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan Segala nama benda-benda dan gunanya.”

Nabi-nabi dan Rasul-rasul yang diutuskan selepas Nabi Adam a.s juga di bekalkan dengan ilmu untuk memimpin umatnya. Perintah pendidikan jugalah diturunkan oleh Allah swt kepada Rasul terakhir dalam wahyu pertama yang diturunkan. Firman Allah,

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ أَلَمْ يَكُنْ لَكَ وَالِدٌ مِّنْ قَبْلُ ﴿٣﴾

الْأَكْرَمُ ﴿٤﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٥﴾ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ<sup>٢</sup>

Maksudnya :

“Bacalah dengan mana Tuhannya yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmulah yang Maha Permurah. Yang mengajarkan dengan perantaraan kalam (baca tulis). Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.”

<sup>1</sup> Surah al Baqarah ( 2 : 31 )

<sup>2</sup> Surah al Alaq ( 96 : 1-5 )

Allah memfokuskan manusia sebagai objek untuk menerima pendidikan, seterusnya membuktikan perkara utama yang dititik beratkan dalam risalah Islam adalah pendidikan kerana ia merupakan asas dalam membina pengetahuan bagi membentuk diri dan masyarakat manusia yang lebih dinamik dalam aspek spiritual dan fizikal. Kerana pendidikan itu sendiri bersifat rabbaani, maka wajiblah ia berasaskan ajaran Al Qur'an dan al Sunnah. Konsep Tauhid menjadi dasar dalam intipati pendidikan dalam Islam.

## 2.0 Definisi Pendidikan

Menurut Teuku Iskandar ( 1993 ), pendidikan dari kata dasar didik bererti pelihara, jaga atau ajar dengan berhati-hati sejak kecil. Manakala di dalam bahasa Inggeris menggunakan istilah *educatioan* iaitu *process, beginning at birth, of developing intellectual capacity, manual skill and social awareness, especially by instruction* ( *Collins Paperback Encyclopedia, 1995* ).

Terdapat beberapa pengertian pendidikan yang diutarakan oleh pakar-pakar pendidikan Islam.

Menurut Abdul Halim el Muhammady ( 1991 ) pendidikan diertikan sebagai proses mengembang dan melatih akal, jasmani dan roh manusia dengan berasaskan nilai-nilai Islam yang bersumber wahyu, Al Qur'an dan al sunnah akan melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah semata-mata.

Dr. Hassan Langgulung ( 1980 ) menyatakan pendidikan suatu yang merubah dan memindahkan nilai kebudayaan kepada setiap individu melalui pelbagai proses dan cara bagi melahirkan manusia yang bertanggungjawab dan berbakti kepada Allah.

Manakala Abdullah Ishak ( 1995 ) mendefinisikan pendidikan sebagai satu latihan atau bimbingan kepada jasmani, rohani, akal, akhlak, perasaan dan sosial yang

berpandukan ilmu dan matlamat akhirnya adalah untuk melahirkan manusia yang sempurna dalam berbagai aspek kehidupan bagi mengabdikan diri kepada Allah.

Dalam memberi definisi pendidikan tersebut, tidak boleh lari daripada menyatakan matlamat pendidikan iaitu melahirkan manusia yang bertaqwa, bertanggungjawab mengabdikan diri kepada Allah dan berbakti kepada Allah. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam memperkatakan tanggungjawab manusia. Firman Nya,

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ<sup>3</sup>

Maksudnya :

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada Ku.

Selain daripada melakukan ibadah tertentu, Allah mentaklifkan manusia dengan berbagai kegiatan lain yang mengambil sebahagian terbesar dari masa hidup mereka (Syed Qutb, 1989), dan untuk mengetahui sempadan aktiviti manusia tidak dapat menolak keperluan pendidikan kerana manusia adalah makhluk sosial seumur hidup mereka.

### 3.0 Pendidikan Seumur Hidup

Pendidikan sepanjang hayat seperti yang dinyatakan oleh Dr. Abdul Halim el Muhammady ( 1994 ), pendidikan Islam dapat dirumuskan sebagai pendidikan seumur hidup bagi tujuan pembangunan seluruh potensi manusia iaitu roh, akal, jasad secara padu, selaras dengan status manusia sebagai hamba dan peranannya sebagai khalifah Allah di bumi. Dr. Hassan Langgulung ( 1985 ), menyatakan tuntutan “tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad” telah memberi gambaran tentang pendidikan seumur hidup. Begitu juga Hazri dan Khairudin Saeran ( 2004 ) menggunakan tuntutan tersebut

---

<sup>3</sup> Surah al Zāriyāt ( 51 : 56)

untuk memberi gambaran pendidikan merupakan satu entiti atau proses sepanjang hayat yang tiada hentinya selagi manusia mampu mempelajarinya. Konsep baca dalam ayat Iqra' membawa pengertian belajar dalam ertikata menyeru manusia menuntut ilmu. Wahyu diturunkan kepada Nabi saw bermakna seruan belajar tidak terletak pada faktor umur, sebaliknya pembelajaran merupakan proses sepanjang hayat.

Pendidikan dalam Islam mengambil kira hakikat kejadian manusia yang terdiri daripada unsur jasad, akal dan jiwa secara menyeluruh kerana mengabaikan salah satu daripadanya boleh menyebabkan ketidakseimbangan sifat keinsanannya.

#### **4.0 Al Quran dan Al Sunnah**

Al Quran ialah kalamullah yang berupa mukjizat yang di turunkan kepada penutup para Nabi dan Rasul iaitu Nabi Muhammad saw melalui perantaraan malaikat Jibril a.s yang tertulis pada masahif. Ia diriwayatkan kepada kita secara mutawir, membacanya adalah dianggap sebagai satu ibadah. Ia dimulai dengan surah al fatihah dan diakhiri dengan surah al Nas ( Sheikh Muhammad Ali As Shabuni, 2005 ). Ia berfungsi untuk menyelesaikan masalah dan keperluan manusia, petunjuk, rahmat, pengubat, ingatan, membawa neraca pertimbangan dan mengeluarkan manusia dari kegelapan kekufuran kepada cahaya keimanan (Dr. Abdul Halim el Muhammady, 1987).

Manakala al Sunnah mengikut ulama' hadis ialah segala sesuatu yang bersumber dari Nabi Muhammad saw samada dalam bentuk ucapan, perbuatan, taqrir, akhlaq, sopan santun atau usaha perjuangannya samada sebelum ataupun setelah dilantik menjadi Rasul.

Al Quran dan Al Sunnah merupakan sumber utama Pendidikan Islam. Kandungannya mencakupi berbagai aspek kehidupan manusia yang begitu komprehensif dan lengkap, terutamanya bagi membentuk peribadi insaniah yang unggul, dari segi rohani, jasmani, akal, citarasa dan sosial supaya dapat berfungsi sebagai hamba dan khalifah Allah swt di bumi ini ( Abdullah Ishak, 1995).

## 5.0 Konsep Pendidikan Seumur Hidup

Pendidikan seumur hidup adalah berasaskan fitrah kemanusiaan yang perlu memenuhi keperluan setiap komponen kejadiannya iaitu jasad, akal dan jiwa dari kejadiannya sehingga kematiannya. Ketetapan ini dinyatakan oleh Allah di dalam FirmanNya (Surah al Rum : 30) yang bermaksud , “ ..... (tetaplah atas) fitrah Allah yang menciptakan manusia menurut fitrah itu. (Itulah) al din yang lurus tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”

Konsep pendidikan seumur hidup ini jelas dapat diambil daripada surah Luqman yang menganjurkan pendidikan bermula dari kelahirannya sehingga bertemu Allah (kematianNya) . Di dalamnya lengkap dengan segala dasar yang diperlukan oleh manusia bermula keperluan aqalnya, jasadnya dan rohaninya iaitu aqidah syariah dan akhlak untuk membina hubungannya dengan Allah, manusia dan alaqahnya dengan alam. Firman Allah

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفَصَّلَهُ فِي غَمَمِينَ أَنِ أَشْكُرَّ

لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ ﴿٦١﴾ وَإِن جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَن تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ

بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ۗ وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا ۗ وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَىٰ

ثُمَّ إِلَىٰ مَرْجِعِكُمْ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٦٢﴾ يَبْنِيٰ إِنَّهَا إِن تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةِ

مِّنْ خَرْدَلٍ فَتَكُن فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَاوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ

لَطِيفٌ خَبِيرٌ ﴿٦٣﴾ يَبْنِيٰ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَآمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ

مَا أَصَابَكَ<sup>٤</sup> إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٣﴾ وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ

فِي الْأَرْضِ مَرَحًا<sup>٥</sup> إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٤﴾

Yang bermaksud :

“Dan ( kenangilah ) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: “ Wahai anak kesayanganku, janganlah Engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar (13). Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan demikian bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan) (14). Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan Aku dengan sesuatu yang engkau taat kepada mereka. Dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan ikutlah jalan orang yang kembali kepadaKu (dengan tahuhid dan amal saleh), kemudian kepada Akulah tempat kamu kembali semuanya. Maka aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan (15). Luqman menasihati anaknya dengan berkata: “ Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk di hakimi dan dibalasnya), kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya ; lagi amat meliputi akan segala yang tersembunyi (16) . “Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kenaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya (17). Dan janganlah Engkau memalingkan mukamu ( kerana

<sup>4</sup> Surah Luqmān ( 31 : 13 – 18 )


memandang rendah ) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi ini dengan berlagak sombong; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri” (18).

Aqidah mesti menjadi tunjang pendidikan kerana kepincangan aqidah boleh menyebabkan kepincangan fitrah kemanusiaan . Luqman al Hakim menegah anaknya dari mempersekutukan Allah kerana perbuatan itu merupakan satu kezaliman dan mencabul hak Allah SWT sedangkan manusia dijadikan oleh Allah. Perintah berbuat baik kepada ibubapa menunjukkan tanggungjawab ibu bapa untuk mengajar anak-anak cara untuk berbuat baik dan berbakti kepada ibubapa kerana merekalah punca sebuah keluarga. Luqman menyemai jiwa anaknya konsep dosa, pahala, syurga dan neraka. Kepercayaan kepada hari pembalasan adalah hasil dari keimanan kepada Allah yang hakiki dan tidak ragu padaNya. Semua makhluk akan kembali kepada Allah dan menerima balasan terhadap apa yang mereka kerjakan di dunia.

Ajaran Luqman kepada anaknya itu dalam susunan yang terbaik. Bermula dengan aqidah dan iman kepada Allah, yakin kepada hari akhirat dan percaya kepada keadilan balasan Allah, dia membawa kepada langkah yang seterusnya iaitu bertawajjuh kepada Allah dengan bersolat, kemudian bertanggungjawab di dalam masyarakat dengan dakwah iaitu menyeru manusia melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Bersabar dengan segala dugaan semasa menjalankan tanggungjawab itu sekalipun berat untuk dilakukan. Untuk menghadapi masyarakat manusia bagi menjalankan tanggungjawab dakwah, adab sangat memainkan peranan. Berlagak sombong dengan tidak memperdulikan manusia lain adalah sangat dibenci Allah.

Islam menghimpunkan aspek-aspek keperluan rohani, akal dan jasad secara adil dan tidak memisahkan kehendak setiap keperluan sepanjang kehidupan manusia. Sesuai dengan matlamat akhirnya untuk melahirkan insan saleh yang memakmurkan mukabumi serta melaksanakan hakikat pembangunan yang dikehendaki Allah di dalam kehidupan manusia di atas bumi. Untuk melahirkan manusia yang mempunyai ciri

kesalehan ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa pendidikan yang berasaskan kepada al Qur'an dan al Sunnah.




KONSEP PENDIDIKAN SEUMUR HIDUP

Pendidikan terus berlaku sepanjang kehidupan manusia bermula dari saat kelahirannya hingga kematiannya. Pendidikan bertujuan membentuk manusia terdidik berdasarkan al Quran dan al Sunnah untuk menanggung tugas hamba dan khalifah , bertaqwa dan berbakti kepadaNya. Mula hayatnya dengan ilmu dan matinya juga berbekalkan ilmu.


**6.0 Peringkat-Peringkat Pendidikan**

Pendidikan berlaku pada peringkat-peringkat seperti yang digambarkan di dalam rajah di bawah.



Proses pendidikan mestilah berterusan, tidak boleh abaikan atau diberhentikan separuh jalan atau terus ditamatkan. Pendidikan dalam Islam silibusnya mencakupi sepanjang hayat seorang muslim (<http://members.tripod.com/%7Ehasan/sistem.htm>.) Pendidikan tak formal biasanya dirujuk kepada pendidikan yang berlaku di rumah dalam lingkungan keluarga . Pendidikan formal ialah pendidikan asas yang berlaku di institusi pendidikan seperti sekolah dan pendidikan bukan formal berlaku apabila memasuki usia dewasa untuk memenuhi keperluan peribadi. Pendidikan tak formal, formal dan non formal ini mempunyai pengaruh timbal balik antara satu sama lain (<http://www.angelfire.com/inelcom98/islam.html>.)

## 6.1 Pendidikan tak formal



### **6.1.1 Pra Lahir**

Pendidikan di peringkat prahahir dimulakan oleh Rasulullah dengan menganjurkan cara memilih pasangan mengutamakan yang beragama, maksud hadis Rasulullah s.a.w “ dinikahi wanita itu kerana empat perkara, iaitu kekayaannya kedudukannya, kecantikannya dan agamanya, utamakanlah yang beragama nescaya bahagialah hidupmu.” Rasulullah juga mengajar adab adab melakukan persetubuhan sebagai usaha mendapatkan anak yang baik. Allah swt sendiri menentukan masa suami menyetubuhi isterinya dalam menjaga adab ini dalam firmanNya yang bermaksud; “ Jauhilah wanita (isteri kamu) semasa mereka dalam keadaan haid.....” Begitulah perihatannya al Qur’an dan Sunnah melihat pendidikan sejak dari awal lagi iaitu pada peringkat pralahir. Jika diteliti ayat kedua daripada surah al Alaq, fokus pendidikan kepada manusia itu berlaku pada peringkat alaqah lagi. Ketika dalam kandungan, pendidikan bercorak rohaniyyah harus diambil perhatian seperti membaca al Qur’an dan berzikir, berdoa supaya mendapat anak yang soleh, berilmu, beramal dan bertaqwa, dimurahkan rezeki dan dimatikan dalam Islam ( Rosnani 1988 ), makan minumannya hendaklah dipastikan halal dan bersih kerana makanan anak di dalam kandungan adalah semata-mata daripada makanan ibunya, sementara ibu dan bapa juga perlu menunaikan ibadat kerana anak-anak akan mewarisi sifat-sifat ibubapanya ( Mustafa Hj Daud, 1993 ).

### **6.1.2 Lahir hingga Mumayyiz**

Setelah anak lahir Rasulullah menganjurkan agar dibacakan dengan azan dan diiqamahkan agar kalimah pertama yang didengari adalah kalimah Tauhid iaitu mengesakan Allah. Hadis Rasulullah yang bermaksud “ Mulakanlah pengenalan kalimah Lailaha illallah kepada anak-anak kamu”. Pada peringkat ini anak yang baru lahir itu dididik dengan prinsip mengenal Tuhan. Memberikan tahnik terutama dari orang alim dalam masyarakat, menyempunakan aqiqahnya (Abdullah Nasih Ulwan, 1995), menamakan dengan nama yang mempunyai maksud yang baik kerana nama ditafsirkan sebagai doa ( Mustafa Hj Daud, 1993 ) dan anak-anak itu akan di panggil

dengan namanya di hari akhirat kelak dan mengkhitankannya ( Abdullah Nasih Ulwan, 1995) untuk menjaga kebersihan.

Ibu diberi penghormatan oleh Allah swt untuk memberikan pendidikan dengan menyusukan bayinya untuk kesihatan dan tumbesaran jasmaninya kerana di dalam susu ibu mengandungi cukup unsur-unsur keperluan makanan seorang bayi serta perkembangan rohani yang mengikat kasih sayang ibu dengan anak-anaknya. Firman Allah,

﴿ وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتِمَّ لَهُ الرِّضَاعَةَ ۖ ﴾

Maksudnya :

“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun penuh iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan.”

Sehinga umur dua tahun, kanak-kanak mengalami perkembangan jasmani berlaku dengan cepat, kanak-kanak mula belajar bercakap untuk berinteraksi dengan ibu bapa dan orang-orang disekitarnya, pada masa ini ibu bapa hendaklah mendedahkan lafaz-lafaz penting seperti syahadah dan diulangi supaya mereka dapat mengikutinya ( Mustafa Hj Daud, 1993 ).

Sekitar usia 3-4 tahun, pendidikan dimulakan dengan mengisi dada kanak-kanak dengan pendidikan keimanan kerana fitrahnya sudah boleh menerima ketuhanan. Sifat semulajadi manusia mempunyai potensi untuk beriman, cuma ia memerlukan pendidikan untuk memastikannya ( Ghazali Basri, 2002 ). Pendidikan ini paling penting berdasarkan firman Allah (Surah al Nahl : 78) yang bermaksud , “ Dan Allah telah mrngeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan tidak mengetahui sesuatu apapun” dan hadis Rasulullah yang bermaksud “ setiap bayi dilahirkan dalam keadaan fitrah, ibabapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi” , Ini bertujuan

---

<sup>5</sup> Surah al Baqarah ( 2 : 233)

mengikat anak-anak sejak lahir dengan iman dan rukun Islam untuk memahami Islam sebagai addin, Al Qur'an sebagai kitab dan Rasulullah sebagai uswah hasanah (Rosnani, 1988). Abdullah Nasih Ulwan ( 1995 ) menyatakan pendidikan 'aqidah sangat penting kerana segala jenis kebajikan dan sumber segala kesempurnaan terletak pada aqidah.

Pada peringkat ini kanak-kanak sangat cenderung untuk mencontohi perbuatan ibu bapa. Dr Hassan Langgulung ( 1985 ) menyatakan pendidikan Islam bermula dari tiruan dan indoktrinasi. Semasa di dalam proses perkembangan, pemerhatian kepada apa yang dilakukan oleh ibubapanya akan mempengaruhi tingkahlakunya dan memberi kesan kepada akal nya. Pada masa ini pendidikan akhlaq sangat sesuai kerana kanak-kanak sangat hampir dengan ibu bapa. Sabda Rasulullah yang bermaksud “ Muliakanlah anak-anak kamu dengan memperbaiki sopan-satunnya” dan hadis yang bermaksud “ ajarilah anak-anak kamu dan ahli keluargamu dan perbaikilah adab sopan mereka.” Pendidikan adab ini meliputi kebersihan, percakapan, perbuatan samada perkara yang wajib dilakukan ataupun yang wajib dipatuhi. Kanak-kanak pada peringkat ini lebih banyak mendengar, memerhati dan menerima apa yang di ajar kepada mereka.

Apabila kanak-kanak telah mumaiyyiz ( usia 5-6 tahun) iaitu dapat membezakan antara najis dengan yang suci atau yang baik dengan yang buruk (Mustafa Hj Daud, 1993 ), anak-anak wajib dididik aqalnya, diajar memuliakan al Quran dan adab-adab berkaitan dengan al Qur'an. Dr. Abdul Halim el Muhammady (1987) mengesyorkan pendidikan al Quran ini mesti dimulakan pada usia 5 tahun sebelum mereka mengenal huruf dan hendaklah dilatih membaca dan menghafal dengan talqin ( drill ) dan diajar menghafal tanpa diberi penjelasan maksud ayatnya atau diberikan maksudnya untuk sesetengah kenyataan. Dr Hassan langgulung ( 1985 ) menyatakan menghafal al Qur'an atau sebahagian daripadanya cukup untuk menanamkan prinsip pendidikan Islam pada jiwa kanak-kanak, kerana al Qur'an itu sumber ajaran Islam, yang terkandung di dalamnya inti aqidah, keterangan tentang


ibadah, dan petunjuk kearah akhlaq yang mulia dan jalan yang lurus. Allah swt menyatakan keesaanNya di dalam Firman Nya,

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُن لَّهُ

كُفُوًا أَحَدٌ ۝

Al Ghazali dalam Ihya' Ulumuddin memberi panduan dalam mengajar ilmu aqidah iaitu menghafal, memahami, ber'itiqad, menyakini dan membenarkan. Jadi pada peringkat ini penghafalan adalah cara yang paling berkesan. Pada usia mula berakal ini, kanak-kanak perlu diperkenalkan dengan hukum halal dan haram untuk membiasakan dirinya dengan mematuhi hukum-hukum syariat ( Abdullah Nasih Ulwan, 1995 ). Pendidikan rohani tidak boleh diabaikan untuk keluar dari sifat malu, takut, rendah diri dengki dan suka marah ,juga pendidikan jasmani untuk fizikal yang sihat dan kuat.

6.2 Pendidikan Formal



<sup>6</sup> Surah al Ikhlas (1-4)

Pendidikan formal bermula pada usia kanak-kanak tujuh tahun iaitu pendidikan rendah (kanak-kanak), diikuti dengan pendidikan menengah (remaja) setelah berumur 13 tahun sehingga peringkat tinggi pada usia lewat remaja atau awal dewasa. Bentuk pendidikan ini berlangsung di institusi pendidikan.

### **6.2.1 Pendidikan Rendah**

Pendidikan asas Islam berasaskan al Qur'an dan al Sunnah iaitu ilmu fardu Ain yang wajib diberikan pada peringkat rendah ini ialah sebagai persediaan untuk melaksanakannya apabila mencapai umur baligh. Hadis Rasulullah saw yang bermaksud (Abdullah Nasih Ulwan, 1995) , “ Suruhlah anak-anakmu bersembahyang pada usia tujuh tahun dan pukullah mereka jika mereka jika mereka tidak mahu bersembahyang ketika berumur sepuluh tahun dan pisahkan mereka dari tempat tidur ” jelas mengarahkan anak-anak wajib dididik dengan prinsip-prinsip syariah. Kias kepada solat itu ialah membiasakan dengan berpuasa ( Abdullah Nasih Ulwan, 1995 ). Jika anak-anak tidak terdorong untuk mempelajari al Quran dan mengerjakan solat, hendaklah disuruh (Hassan Langgulung, 1985 ). Maksud hadis juga menyentuh mengenai pendidikan seks yang wajib diberi perhatian oleh ibubapa. Pada usia ini anak-anak mesti diberi ajaran tentang adab-adab meminta dan adab-adab menjaga pandangan.

Seterusnya kanak-kanak mesti dilatih untuk mengamalkan ajaran al Quran seperti adab terhadap ibu bapa, adab dalam rumah, hubungan dengan orang lain (Abdul Halim el Muhammady 1987 ) kerana pada usia ini anak-anak sudah mula bersosial. Pada peringkat ini anak-anak telah mula berinteraksi dengan lingkungan komuniti yang lebih luas.. Pendidikan pada peringkat persediaan ini mesti ditumpukan pada perkara-perkara ini dan didedahkan melalui sumber al Quran dan Hadis (Dr. Abdul Halim el Muhammady, 1987 ).

Pendidikan asas ilmu Fardu Kifayah menjadi kewajipan untuk diajar. Pendidikan ini adalah untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak. Jadi

pada peringkat ini anak-anak mesti disedarkan dengan kewajipan belajar untuk membina pemikiran dalam ilmu syariah dan ilmu-ilmu keduniaan sesuai dengan hadis Rasulullah yang bermaksud ( Rosnani, 1988 ), “ didiklah anakmu kerana mereka itu dijadikan buat menghadapi zaman yang sama sekali lain dari zamanmu itu” dan mempraktikkan gesaan Allah di dalam surah al Alaq ayat 1 yang bermaksud “ Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menjadikan.”

Pada peringkat ini anak-anak diperkenalkan dengan asas-asas huruf al Qur’an, kemudian diajar dan dilatih menulis, serta membaca apa yang ditulis. Rasulullah pernah meminta tawanan perang Badar supaya mengajar kanak-kanak Islam bagi menebus diri (Dr. Hassan Langgulung 1985). Ini menjelaskan perantaraan kalam adalah salah satu cara mendapatkan ilmu pengetahuan dan membuktikan benarnya firman Allah “ yang mengajar manusia dengan perantaraan qalam .” Pendidikan peringkat ini adalah asas untuk melangkah ke alam remaja.

### **6.2.2 Pendidikan Menengah/ Remaja**

Apabila anak-anak memasuki alam menengah (remaja) , pendidikan lebih menjurus kepada ilmu pelengkap, iaitu yang berkaitan dengan ilmu fardu Kifāyah untuk menyelesaikan kepentingan ummat. Ia terbahagi kepada dua iaitu al Ulum al Syar’iyyāt dan al Ulum al ‘Aqliyyāt ( Dr. Abdul Halim el Muhammady, 1987 ).

#### **i) Al ‘Ulum al Syar’iyyāt**

Ilmu ini meliputi bidang ‘aqidah, syariah dan akhlak .Walaupun ilmu ini telah dipelajari pada peringkat terdahulu, pada peringkat ini ia memerlukan kepada huraian yang lebih jelas ( Dr. Abdul Halim el Muhammady, 1987 ), kerana mereka sudah berada pada fasa memahami.

Merujuk kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, “Umar meriwayatkan bahawa pada suatu hari kami sedang belajar sesuatu daripada Rasulullah saw. Tiba tiba masuk seorang lelaki ke dalam majlis kami. Tidak seorangpun di antara kami yang mengenali lelaki itu kerana kami tidak pernah melihatnya. Rupa parasnya sangat tampan. Pakaianya serba putih dan sangat bersih.. Rambutnya hitam berkilat dan terurus rapi. Dia menghampiri Rasulullah lalu duduk. Dirapatkan kedua lututnya dengan lutut Rasulullah.

Selepas itu dia berkata kepada Rasulullah, “ Wahai Muhammad, khabarkanlah kepadaku tentang Islam.” “ Islam ialah engkau mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan pengakuan bahawa Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, membayar zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji di Baitillah jika berkuasa.” Terang Rasulullah kepadanya. “ Engkau benar.” Katanya kepada Rasulullah. Mendengar itu kami semua berasa hairan.” Nyatakan pula kepadaku tentang iman” katanya. “ Iman ialah engkau percaya pada Allah, kepada malaikatnya, kepada kitab-kitabnya dan kepada Rasul-rasulnya, kepada kewujudan hari akhirat dan qada’ baik dan buruk sebagai ketentuan Allah.” Tegas Rasulullah. “ tepat sekali.” Kata orang itu pula. Selepas itu dia berkata lagi, “ khabarkanlah kepada ku tentang ihsan.” “ ihsan ialah engkau beribadat kepada Allah seolah-olah engkau melihatnya, seandainya engkau tidak dapat melihatnya, Dia tetap melihat engkau.” Tegas Rasulullah kepadanya. “ Seterusnya khabarkanlah kepadaku tentang kiamat.” Orang yang bertanya lebih arif daripada orang yang ditanya.” jawab Rasulullah. “ Kalau begitu beritahu tentang tanda-tandanya.” Pintanya lagi. “ Antaranya ialah apabila hamba melahirkan tuannya (apabila anak sanggup memperhambakan ibunya) dan apabila engkau melihat ramai orang miskin yang tidak berkasut dan berpakaian, namun yang lain berlumba menegakkan bangunan yang tinggi tanpa menghiraukan nasib orang itu.” Mendengar penjelasan Rasulullah orang itupun meminta diri lalu beredar dari situ. Kemudian Rasulullah bertanya, “ Wahai  Umar, adalah kamu kenal siapa

orang itu?” “ Allah dan Rasulnya sahajalah yang mengenalinya.” “ Beliau ialah Jibril yang datang untuk mengajar anda semua.” Jelas Rasulullah.

Pelajar (malaikat) yang hadir dengan rambut hitam berkilat dan tampan itu membawa makna dalam usia remaja, pelajar layak diberi penjelasan kepada kemusykilannya untuk memberi kefahaman kepadanya. Hadis juga menekankan pendidikan adab terutama antara pelajar dengan guru seperti menjaga kebersihan dan pakaian serta kesungguhan menuntut ilmu.

## ii) **Al ‘Ulum al ‘Aqliyyāt**

Iaitu ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kajian-kajian akal dan empirikal untuk memberi kesedaran tentang ilmu Allah, kehebatan kuasanya dan kebijaksanaanNya dalam mengatur dan menyusun ciptanNya. Pendidikan ini mesti berasaskan kepada al Quran dan semangatnya. (Dr. Abdul Halim el Muhammady, 1987 ), ilmu-ilmu ini bukan semata-mata untuk memudahkan komunikasi dan mencapai kemajuan keduniaan semata-mata, tetapi untuk memupuk keimanan yang sempurna (Abdullah Ishak, 1995) yang membawa kepada fasa keyakinan. Ilmu-ilmu ini meliputi bahasa, sains, teknologi, matematik, teknik dan vokasional perlu untuk memanfaatkan alam ini sebaik-baiknya.

### **6.2.3 Pendidikan Tinggi**

Pendidikan terakhir dalam bentuk formal adalah pendidikan peringkat tinggi pada usia pelajar sekitar 18-22 tahun. Menurut ibn Khaldun ini adalah peringkat kesyumulan. Pendidikan diberikan untuk melengkapkan kemahiran yang perlu sebagai persediaan menceburkan diri dalam bidang-bidang tertentu mengikut kecenderungan. Pendidikan ini adalah ke arah membina keyakinan untuk mewujudkan diri di dalam komuniti di mana mereka diperlukan oleh masyarakat .

وَأَبْتَعِ فِي مَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا

Maksudnya :

“Dan carilah apa yang diberikan oleh Allah untuk akhirat tetapi jangan lupa bahagian kamu di dunia.”

Apabila sampai di peringkat ini, peribadi pelajar sepatutnya sudah seimbang antara rohani dan jasmani, akal dan emosi, indera dan naluri juga niat dan tindakan (Ghazali Darussalam, 2004). Pelajar akan keluar dari daerah pendidikan fomal ini ke dalam masyarakat untuk berperanan sebagai hamba Allah dan khalifah.

### 6.3 Pendidikan Bukan formal

Pendidikan bagi orang dewasa biasanya kerana memenuhi keperluan masing-masing untuk mencapai matlamat yang diinginkan ( [www.pts.com.my](http://www.pts.com.my)) dan biasanya berlaku dalam pendidikan bukan formal.

Pendidikan tidak terhenti walaupun pendidikan sudah dianggap sempurna pada dasarnya. Semasa usia awal dewasa seorang individu baru sedang melangkah ke alam tanggungjawab untuk menghadirkan dirinya di dalam komuniti di mana dia diperlukan. Dengan kata lain berperanan sebagai khalifah. Bagi golongan awal dewasa yang masuk ke alam pekerjaan, pendidikan berlaku untuk memajukan diri dalam bidang yang diceburi untuk menimba pengalaman. Pendidikan kesedaran sosial juga perlu dititikberatkan ( [www.pts.com.my](http://www.pts.com.my) ), bukan untuk menjadi mukmin kepada dirinya sahaja tetapi yang sedia berkhidmat, memberi sumbangan kepada Islam dan berjihad pada jalan Allah (<http://members.tripod.com/%7Ehasan98/sistem.htm>) . Hubungan dengan persekitarannya juga mungkin lebih bermakna seperti hubungan dengan ibubapa dan saudara-saudara , hubungan dengan saudara mara, hubungan dengan rakan sekerja dan lain-lain kerana ada hak yang perlu ditunaikan dan

tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Hubungan ini tentunya mesti diasaskan jalinan nilai Islam yang berasaskan peratutan Allah ( Ghazali Basri, 1987) .

Pendidikan akan terus berlaku kerana perubahan-perubahan terus berlaku dalam masyarakat. Ini menyebabkan manusia mesti mempelajari sesuatu yang baru untuk menjalankan tanggungjawab samada di peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara (amar makruf nahi mungkar). Ilmu bukanlah sekadar sanjungan yang menjadi pengukur nilai, tetapi merupakan tanggungan kepada individu dan masyarakat , seperti sabdanya ( Abdullah Ishak, 1995) yang bermaksud , “ menuntut ilmu adalah wajib ke atas tiap-tiap orang Islam.” Pada usia kematangan, biasanya mereka sudah berumahtangga dan biasanya pendidikan adalah menjurus kepada mengukuhkan institusi keluarga dan meningkatkan kualiti hidup (<http://www.pts.com.my/modules.php?name=Newsfile&file=print&sid=532>) samada rohaninya mahupun jasmaninya dengan matlamat berbakti kepada Allah swt sebagaimana firmanNya,

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ<sup>7</sup> .

Manusia perlu melalui pendidikan yang berpanjangan supaya hati di didik sehingga menjiwai wahyu Allah serta menghayatinya dalam realiti kehidupan.

Pendidikan terus berlaku sehinggalah manusia hampir mati dengan mengajarkan kalimah “La Ilaha illallah. ” Sabda Rasulullah yang bermaksud, “ sesiapa yang mengucapkan La ilaha illallah ketika hampir mati akan masuk syurga” dan berakhir dengan bacaan talqin.

## 7.0 Kesimpulan

Al Qur’an dan al Sunnah tidak pernah membiarkan manusia tanpa pendidikan dari awal usia sehingga akhir hayatnya. Pendidikan berlaku dalam bentuk pendidikan tak formal,

---

<sup>7</sup> Surah al Zariyat ( 56)

pendidikan formal dan pendidikan bukan formal. Aspek pendidikan disesuaikan mengikut peringkat keperluan bersesuaian dengan fitrah insan meliputi pendidikan aqalnya, jasadnya dan rohaninya bertunjangkan aqidah dan berdasarkan al Qur'an dan al Sunnah . Pendidikan bertujuan membuat persiapan untuk melaksanakan tanggungjawab bagi merealisasikan matlamatnya mengabdikan diri kepada Allah dan bertaqwa kepadaNya.

## RUJUKAN

- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur : DBP.
- Abdullah Nasih Ulwan . 1997. *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*. Ter. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd
- Abdul Halim al Muhammady. 1994. Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*. 7(2) : 155-163.
- Abdul Halim al Muhammady. 1991. *Pendidikan Islam Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Salam.
- Abdul Halim al Muhammady. 1987. Pendidikan Al Qur'an di sekolah rendah dan menengah: Ke arah pembentukan pandangan hidup Muslim. *Jurnal Pendidikan Islam*. 2 (6) : 29-43.
- Ghazali Basri. 2002 . Pendidikan awal berasaskan fitrah: Memperjelas arah tuju dan menggembeling usaha memenuhi tuntutan.. *Jurnal Pendidikan Islam*. 10 (1) : 33 – 38.
- Ghazali Basri. 1987. Peranan Pendidik dalam Pembentukan Ummah. *Jurnal Pendidikan Islam*. 2 (6) : 19-28.
- Ghazali Darusalam. 2004. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors.
- Hassan Langgulung. 1985. *Pendidikan dan Peradaban Islam*. Jakarta : Pustaka al Husna.
- Hazri Jamil dan Khairudin Saeran. 2004. Pendidikan sepanjang Hayat : Perspektif Islam dan Barat. *Jurnal Pendidikan Islam*. 10 (4): 29-43.
- Jabatan Perdana Menteri. 1995. *Tafsir Pimpinan Ar Rahman kepada pengertian al Qur'an*. Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Mustafa Haji Daud. 1993. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors.
- Rosnani Hashim. 1988. Pendidikan pra sekolah Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*. 2(1) : 11-27.
- Syed Qutb. 1989. *Tafsir fi Zilalil Qur'an*. Terj Yusuf Zaki Yaakub. Kota Bharu : Dian Darul Naim.
- Syeikh Muhammad Ali As Shabuni. 2005. *Penjelasan ilmu-ilmu al Quran*. Terj. Hafid Masyhuri . Selangor : Percetakan Putra Jaya Sdn. Bhd.

Teuku Iskandar. 1993. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

\_\_\_\_\_. Apa itu Belia. Pendidik.( [http:// www. pts. com.my/modules/ php?name=News&file= print&sid=532](http://www.pts.com.my/modules/php?name=News&file=print&sid=532). capaian 4/3/2007)

\_\_\_\_\_. *Collins Paperback Ensylopedia*. 1995. Great Britain: Harper Collins Publishers.

\_\_\_\_\_. Konsep Pendidikan Islam dan matlamat: Persekolahan Ugama/ Arab di Malaysia. [http: //www.anglefire.com. /in/elcom98/islam.html](http://www.anglefire.com./in/elcom98/islam.html).

\_\_\_\_\_. Mengenal pembelajaran orang dewasa. Pendidik. . [www. pts. com.my](http://www.pts.com.my).

\_\_\_\_\_. Tarbiah Melahirkan Mukmin Mujahid. [http: // members. tripod. com/%7Ehasan98/system.htm](http://members.tripod.com/%7Ehasan98/system.htm).